



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**NOTA PERCAKAPAN
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN MENCEGAH
PEMBUANGAN BAYI BERSAMA MEDIA**

DI

**KAWASAN REHAT DAN RAWAT PLUS
27 JUN 2019
RNR DENGKIL (ARAH SELATAN)**

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM
SEJAHTERA

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.
2. Kes pembuangan bayi merupakan satu isu yang serius dan harus ditangani dengan kadar segera.
3. ***Statistik pembuangan bayi daripada PDRM merekodkan 577 kes bagi tahun 2014 sehingga 2018.***
4. Salah satu punca pembuangan bayi ini adalah Kehamilan Luar Nikah dan Kehamilan Remaja.
5. Kementerian mengambil langkah proaktif dengan merangka strategi advokasi, pencegahan serta menjalankan program kesedaran awam khusus kepada golongan remaja mengenai kesihatan reproduktif mereka.

6. Kementerian dalam usaha untuk melaksanakan *locality mapping* dan *strategic intervention* bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai *hot spot* kes pembuangan bayi melalui kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia.
7. Kita perlu memfokuskan kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan kedua-dua bayi dan ibunya.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, komuniti, institusi keagamaan, media, pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan lain-lain pihak yang berkaitan untuk sama-sama merealisasikan memastikan keselamatan dan perlindungan bayi dan ibunya.

8. Saya ingin menasihatkan kepada remaja atau wanita diluar sana, sekiranya anda sudah terlanjur dan tidak tahu apa langkah yang patut dilakukan,

HUBUNGI TALIAN KASIH 15999.

DAPATKANLAH BANTUAN SEGERA DAN JANGAN AMBIL TINDAKAN MELULU YANG AKAN MEMBAHAYAKAN NYAWA ANDA, DAN BAYI ANDA.

9. KPWKM mempunyai kaunselor yang bertauliah dalam mengendalikan kes-kes seperti ini yang sentiasa sedia untuk membantu, memberi pelindungan kepada anda dan bayi anda.
10. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian di bawah JKM adalah Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah.
11. **Ingat, kes buang bayi boleh disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dan menyebabkan kematian.**

12. Saya juga ingin memaklumkan kepada semua rakan media bahawa Kementerian saya telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perkara ini.

Program pada hari ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama pihak PLUS.

Kami telah menampal pelekat (sticker) di pintu tandas **DI 22 KAWASAN REHAT DAN RAWAT PLUS DI SELURUH NEGARA.**

13. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PLUS Berhad dan Lembaga Lebuhraya Malaysia di atas kerjasama yang diberikan kepada kami untuk melaksanakan program ini.

14. Saya juga menyeru agar lebih ramai lagi syarikat korporat dan pihak-pihak lain supaya mengambil contoh terbaik dari PLUS dan LLM untuk menjalankan tanggungjawab sosial seperti ini kerana langkah ini dapat menyelamatkan nyawa bayi-bayi yang tidak berdosa.
15. Saya sekali lagi menyeru kepada masyarakat diluar sana, **HUBUNGI TALIAN KASIH 15999, KAMI SEDIA MEMBANTU ANDA.**